

## **GARISPANDUAN bagi Aktiviti Runner Semasa Situasi COVID-19**

1. Runners adalah syarikat-syarikat berdaftar yang dibenarkan untuk memberikan perkhidmatan pengambilan dan penghantaran barangan kepunyaan individu.
2. Runners yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam hendaklah mematuhi garis panduan-garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak berkuasa termasuk juga yang digariskan dalam dokumen ini. Mana-mana syarikat yang didapati melanggar garis panduan ini, maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 dan syarikat berkenaan boleh dikenakan denda. Syarikat berkenaan juga akan diarahkan untuk menjalankan Perintah Isolation, yang mana kos-kos ujian swabbing serta Isolation akan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat tersebut.
3. Runners yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam hendaklah memohon untuk mendapatkan kebenaran keluar negeri terlebih dahulu daripada Jabatan Perdana Menteri sebelum membuat perjalanan. Permohonan keluar negeri perlu dihadapkan sekurang-kurangnya tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh keluar negeri.
4. Runners hanya dibenarkan untuk membuat perjalanan keluar negeri **sekali seminggu menggunakan satu kenderaan komersil atau kenderaan lain yang telah dibenarkan oleh Kerajaan.**
5. Runners hanya dibenarkan keluar dan masuk melalui **dua (2) Pos Kawalan**, iaitu **Pos-Pos Kawalan Sungai Tujoh** and **Ujung Jalan** sahaja.
6. Runners perlu menghadapkan Job Order Sheet yang telah dilengkapkan bagi setiap perjalanan di pos-pos kawalan yang berkenaan.
7. Runners hanya dibenarkan membuat penghantaran atau pengambilan barangan melalui pertukaran di satu lokasi khusus di perkarangan sempadan sahaja, iaitu melalui **Checkpoint Exchange** sahaja.
8. Runners adalah diberikan had masa bagi setiap *Checkpoint Exchange* tidak melebihi **dua (2) jam**, dan Runners hanya dibenarkan membuat **tidak melebihi dua (2) perjalanan dalam sehari.**
9. Sebagai langkah berjaga-jaga, syarikat-syarikat adalah dikehendaki menjalani proses pemeriksaan suhu masuk secara sistematik di pos kawalan yang berkaitan. Mana-mana individu yang menunjukkan simptom dan / atau pendedahan kepada COVID-19 akan ditegah daripada masuk ke Negara Brunei Darussalam.

10. Pengimportan, transit dan eksport semua barang, harus mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan.
11. Kesemua barangan mesti **diisytiharkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di pos-pos kawalan tidak lewat dari jam 2.00 petang**. Kegagalan dalam mematuhi perkara ini akan mengakibatkan barang diproses pada keesokan harinya dan Runners dikenakan dikenakan caj penyimpanan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.
12. Semua barang bukan berbentuk *perishable goods* yang dibawa masuk ke Negara Brunei Darussalam wajib dikuarantin di premis syarikat selama 72 jam (3 hari) sebelum diedarkan semula kepada pelanggan.
13. Kenderaan dan pemandunya mesti didaftarkan dengan Sistem Keluar / Masuk Kenderaan (VES) Negara Brunei Darussalam.
14. Runners perlu mematuhi had masa yang ditetapkan dan kembali ke Negara Brunei Darussalam pada hari yang sama.
15. Runners adalah dikehendaki untuk mengemas kini status kesihatan mereka setiap hari selama 14 hari selepas perjalanan mereka di aplikasi [healthinfo.gov.bn](https://healthinfo.gov.bn). Syarikat-syarikat akan dikenakan hukuman sekiranya gagal mengemaskinikan status kesihatan seperti yang dipersyaratkan.
16. Runners adalah bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan-peraturan perjalanan di setiap destinasi yang dituju. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan bertanggungjawab atas apa jua kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat dalam apa jua keadaan.